



LAPORAN HASIL INOVASI ANUGERAH INOVASI NEGERI SELANGOR TAHUN 2025

Tajuk Inovasi :	Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana
Nama Jabatan / Agensi / Institusi :	Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik Majlis Bandaraya Subang Jaya

1.0 Pengenalan

Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) merupakan sebuah bandaraya 'smart vibrant' yang mempunyai keunikan tersendiri dengan memberikan sepenuhnya ruang dan peluang kepada warga kota untuk terlibat dalam merancang dan membangunkan urbanisasi fizikal, ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan teknologi dan komunikasi moden untuk memenuhi keperluan dan gaya hidup semasa dan masa hadapan.

Tragedi banjir besar yang telah melanda di sebahagian Bandaraya Subang Jaya pada 18 & 19 Disember 2021 yang lalu telah menenggelamkan 13 kampung tradisi dan 2 kawasan taman perumahan, melibatkan lebih kurang 6830 unit rumah. Bencana Tanah Runtuh pada 16 Disember 2023 di Jalan Wawasan 3 mengakibatkan 9 buah rumah terkesan dan kos mitigasi mencecah ke angka RM5 juta ringgit. Kesan dari bencana Ribut dan Pokok Tumbang juga mengakibatkan kerugian yang tinggi di alami oleh penduduk kawasan Subang Jaya

TAHUN / RISIKO BENCANA					
	Pokok Tumbang	Banjir	Tanah Runtuh	Kebakaran	Ribut
2023	282	48	21	2	2
2024	191	54	13	7	2

Mengambil iktibar terhadap kejadian bencana tersebut, Majlis Bandaraya Subang Jaya telah mengambil inisiatif membangunkan satu Modul Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana dengan kerjasama komuniti Majlis Perwakilan Penduduk, pelbagai agensi kerajaan peringkat daerah, negeri dan persekutuan dan juga pihak-pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO)

Sebanyak 12 pelan telah dibangunkan dalam Pelan Objektif Strategik Organisasi MBSJ dan Perkara No 4 menyatakan **peningkatkan daya tahan bandar dalam menghadapi risiko bencana** dalam usaha meningkatkan efisiensi dan tindak balas bencana terhadap setiap agensi yang terlibat secara langsung dan tidak langsung serta penglibatan komuniti dari pelbagai lapisan entiti dan etnik

2.0 Penerangan Hasil Inovasi

2.1 Ringkasan hasil inovasi

Modul Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana akan dapat memberikan ilmu pengetahuan, pendedahan dan kesedaran kepada komuniti di samping peranan yang dimainkan bersama pihak berkuasa dan agensi-agensi kerajaan dalam menghadapi risiko bencana yang melanda.

Sebelum inovasi ini dihasilkan, masyarakat kurang peka, tiada ilmu pengetahuan dan kurang berpengalaman mengenai risiko bencana yang akan melanda sesuatu kawasan berdasarkan ketidakarifan mengenai struktur geografi sesuatu kawasan, jenis risiko bencana yang akan dihadapi, saluran bantuan selain dari bantuan kecemasan asas sedia ada, jenis perlindungan sementara yang disediakan dan kesan yang akan berlaku selepas bencana.

Apabila berdepan sesuatu risiko bencana, masyarakat akan menjadi mudah panik dan hilang pertimbangan dalam menanganinya di peringkat awal. Keadaan ini akan menzahirkan beberapa kesan negatif seperti perbalahan sesama masyarakat, menyalahkan pihak kerajaan atau pihak berkuasa, menyalahkan projek pembangunan, kerosakan harta benda, kerugian wang ringgit dan boleh menyebabkan kehilangan nyawa.

Agensi kerajaan juga menghadapi masalah dalam menjalankan tugas-tugas misi menyelamatkan terutamanya apabila risiko bencana itu melibatkan skala yang lebih besar dan perimeter yang lebih luas. Perlunya kordinasi dan komunikasi yang efektif antara agensi dalam misi pengurusan bencana untuk menangani setiap risiko bencana yang melanda.

Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana ini terdiri dari 2 (dua) aspek bencana utama yang berskala besar melanda kawasan pentadbiran MBSJ iaitu banjir dan tanah runtuh. Ia mengandungi :

- ✚ Pelan Strategik Operasi Bantuan Bencana Banjir
- ✚ Pelan Strategik Operasi Bantuan Bencana Tanah Runtuh
- ✚ Senarai Nama Ejen Pengurusan Bencana
- ✚ Direktori
- ✚ Senarai Pusat Pemindahan Sementara

English Malay 中文 Arabic Español ગુજરાતી

Ami BernamaBiru Jenayah & Mahkamah Politik Sukan Gaya Hidup Wilayah Dunia

FOKUS BERNAMA

Pokok Di Bandar Lebih Berisiko Tumbang- Pakar

21/05/2023 09:45 AM



Hujan lebat dan ribut di sekitar Taman Damansara, Selangor, menyebabkan nombor batu-batu ini patah akibat terkena pokok tumbang. — Bernama/Agensi (2023) / HAZI CARA / Tumbukan

KUALA LUMPUR, (Bernama) — Insiden pokok tumbang yang semakin kerap berlaku sejak belakangan ini meresahkan masyarakat, lebih-lebih lagi apabila ada kejadian yang meragut nyawa.

Ditambah pula faktor cuaca yang semakin tidak menentu dengan hujan lebat dan ribut kencang melanda tanpa diduga, meningkatkan lagi risiko kepada masyarakat terutama pengguna jalan raya, memandangkan kebanyakan kejadian melibatkan pokok yang ditanam, terutama di tepi jalan.

Amnya, statistik kes pokok tumbang menunjukkan peningkatan di seluruh negara. Pada 2021, Angkutan Pertahanan Alam Malaysia (APAM) melaporkan 1,061 kes dan meningkat kepada 3,358 kejadian pada tahun berikutnya. Bagi tahun ini pula, sebanyak 499 kes dilaporkan hanya dalam tempoh Januari hingga Februari.

KOSMO! 1 April 2023, 10:54 AM

TERKINI BERKAS KOLEKSI KOSAH SERAM

Banjir Selangor: 603 mangsa ditempatkan di PPS



4 AGENSI — Sebanyak 603 orang mangsa banjir daripada 160 keluarga ditempatkan di sembilan pusat pemindahan sementara (PPS) awam di kawasan banjir yang ditimpa banjir di Selangor, termasuk di Kuala Lumpur.

ASTRO AWANI ENERGY ASIA

TERKINI VIDEO MALAYSIA DUNIA POLITIK HIBURAN BISNES SUKAN RANCANGAN GA

Paras air sepanjang LDP, berhampiran IOI Puchong naik lebih 3 meter

Utami Fatah
18/05/2023 22:31 MYT



Malis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengeluarkan arahan awal bagi di sepanjang Lebuhraya Damansara-Puchong (LDP) berhampiran pusat beli-belah IOI Mall Puchong. — Foto Sinar Harian

Secara Asasnya, bencana yang melanda di setiap daerah adalah di bawah pemantauan dan pengurusan Pejabat Daerah merujuk dari Arahan NADMA No. 1, Dasar Dan Mekanisma Pengurusan Bencana Negara namun

hakikatnya apabila sesuatu bencana terjadi, agensi pihak berkuasa tempatan memainkan peranan lebih awal dan bertindak sebagai anggota barisan hadapan.

2.2 Tarikh inovasi dihasilkan

- Pembangunan dan pelaksanaan projek inovasi ini bermula dari 5 Februari 2024

2.3 Tujuan projek Inovasi



Projek inovasi ini diadakan bertujuan untuk memantapkan lagi pengstrukturkan dan pengurusan dalam menghadapi risiko bencana yang melanda. Ianya akan menjadikan kerja-kerja pengurusan bencana berjalan dengan lancar dan efisien.



Seperti yang sedia maklum, risiko bencana memberi impak yang besar terhadap individu, keluarga, komuniti, agensi dan juga kerajaan. Ianya melibatkan kerugian dari segi material, harta benda peribadi, harta benda awam dan boleh mengakibatkan kehilangan nyawa.




Projek ini akan mewujudkan pemakluman, kesedaran dan daya tahan komuniti dalam menghadapi risiko bencana khususnya untuk penduduk di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya dan umumnya untuk rakyat Negeri Selangor.

2.4 Proses Pelaksanaan Inovasi

Pembangunan modul ini di jalankan secara in house. Pasukan Pantas mencetuskan idea asal inovasi melalui Jabatan Korporat Dan Pengurusan Strategik yang bertindak sebagai sekretariat dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana MBSJ. Beberapa kajian telah dilaksanakan untuk merangka,, membangun, meluncur dan melaksanakan modul ini menggunakan setiap sumber dan kemudahan yang telah sediaada di MBSJ.

Pelan ini mengambil masa selama 38 minggu untuk dibangun bermula dari 5 Februari 2024 sehingga ianya diluncurkan pada 1 November 2025 sempena persiapan dalam menghadapi peralihan Monsun timur Laut.



2.4.1 Perancangan

i. Mengenalpasti Projek

Pasukan Pantas MBSJ terlibat secara langsung dalam pengurusan risiko bencana di peringkat Majlis dan juga Negeri Selangor melalui

Misi Bantuan Selangor Penyayang di bawah kendalian Unit Pengurusan Bencana Negeri.

ii. Pemilihan Projek

Pemilihan projek dicetuskan oleh Ketua Jabatan Korporat & Pengurusan Strategik, Encik Muhammad Azli Bin Miswan rentetan dari peristiwa bencana yang melanda negara khususnya di Negeri Selangor yang telah mengakibatkan kerugian sebanyak RM257.9 juta pada tahun 2021 dan jumlah ini semakin meningkat saban tahun.


Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana perlu dibangunkan untuk kesejahteraan komuniti di bandaraya Subang Jaya bagi menghadapi ancaman bencana

Rajah 3: Nilai Kerugian Banjir bagi Kerosakan Tempat Kediaman mengikut Daerah di Selangor

Daerah	Nilai Kerugian
Gombak	RM10.0 juta
Klang	RM252.8 juta
Kuala Langat	RM121.2 juta
Kuala Selangor	RM30.4 juta
Petaling	RM257.9 juta
Sabak Bernam	RM0.2 juta
Sepang	RM85.2 juta
Hulu Langat	RM253.6 juta
Hulu Selangor	RM0.5 juta

iii. Merangka Strategi

Mendapatkan input dari setiap jabatan yang terlibat dalam MBSJ, Agensi-Agensi Kerajaan, Majlis Perwakilan Penduduk dan Jawatankuasa Pembangunan Dan Keselamatan Kampung



2.4.2 Pelaksanaan

i. Mendapatkan Kelulusan

Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Bil 2/2024 pada 2hb Mei 2024 yang dipengerusikan oleh Tuan Timbalan Datuk Bandar, Tuan Hj Mohd Zulkurnain Bin Che Ali



ii. Bengkel Dan Seminar

Bengkel Pembangunan Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana telah diadakan pada 9hb Mei 2024 di Dewan Serbaguna MBSJ Taman Puchong Indah dengan dihadiri oleh :

- ✚ Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana MBSJ
- ✚ Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)
- ✚ Pejabat Tanah Dan Galian Daerah Petaling
- ✚ Jabatan Bomba & Penyelamat Malaysia
- ✚ Jabatan Kebajikan Masyarakat
- ✚ Jabatan Pertahanan Awam Malaysia
- ✚ Angkatan Tentera Malaysia
- ✚ Pejabat Pendidikan Daerah Petaling
- ✚ Jabatan Kesihatan Daerah Petaling



iii. Pembangunan Projek

Pembangunan Pelan telah dijalankan secara in-house dengan menggunakan segala fasiliti sediaada yang telah dibangunkan oleh pihak Majlis sebelum ini :



Sistem EIS – Executive Information System
(Dibangunkan oleh jabatan Perancang Bandar
MBSJ pada tahun 2015)



Sistem Amaran Paras Air
(Dibangunkan oleh Jabatan Korporat &
Pengurusan Strategik pada tahun 2018)

iv. Pelan Tindakan



Kenal pasti lokasi-lokasi terdedah dengan risiko
bencana banjir dan tanah runtuh



Kenal pasti lokasi yang selamat untuk meletak
kenderaan ketika berlaku bencana



Kenalpasti lokasi untuk pendaratan helicopter
(helipad)



Kesiapsiagaan Pasukan Pantas
Aset Dan Inventori Pasukan Pantas

v. Modul Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana

Modul pelan ini dibangunkan hasil dari kolaborasi bersama
setiap agensi kerajaan yang terlibat bersama dengan wakil

Dewan Undangan Negeri beserta Ahli Majlis-Ahli Majlis kawasan. Pelan ini memberikan satu asas dan panduan kepada penduduk atau mangsa ketika berlakunya sesuatu bencana.

lanya meliputi :

- ✦ Jenis Risiko Bencana
- ✦ Sistem Amaran Awal Bencana
- ✦ Lokasi 'hot-spot' bencana
- ✦ Lokasi Pusat Pemindahan Sementara
- ✦ Lokasi Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)
- ✦ Lokasi Pusat Kawalan Tempat Kejadian (PKTK)
- ✦ Lokasi Pos Kawalan Hadapan (PKH)
- ✦ Lokasi Pengumpulan Tempat Letak Kenderaan Selamat
- ✦ Lokasi Pendaratan Helikopter (heli-pad)
- ✦ Kemudahan Pengangkutan ke Pusat Pemindahan Sementara
- ✦ Direktori Pengurusan Bencana Daerah
- ✦ Direktori Pengurusan Bencana Majlis
- ✦ Direktori Ahli Majlis Kawasan MBSJ
- ✦ Direktori Ketua-Ketua Kampung.
- ✦ Direktori Wakil-Wakil Lorong / Taman



vi. Latihan Simulasi

Latihan Simulasi bersama Agensi Penyelamat Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) serta komuniti telah diadakan pada 16 Julai 2024 di Kg Bukit Lanchong dan Taman Tasik Puchong.

MalaysiaGazette

STATUS: NAKHAL, POLITIK, EKONOMI, SAINS, BUDAYA, ANALISIS, MEYU

MBSJ siap siaga hadapi banjir

16 Julai 2024



ALIRAN air melanda kawasan Kg Bukit Lanchong, kawasan MBSJ di Tasik Puchong, Kuala Lumpur, pada 16 Julai 2024.

SURABAYA 16 Julai (Bernama) — Latihan simulasi menghadapi banjir di kawasan MBSJ di Tasik Puchong, Kuala Lumpur, pada 16 Julai 2024.

Latihan simulasi menghadapi banjir di kawasan MBSJ di Tasik Puchong, Kuala Lumpur, pada 16 Julai 2024.



2.4.3 Semakan

i. Mendapatkan maklum balas

Mewujudkan 12 kumpulan 'whatsapp' mengikut lokaliti berisiko. Setiap kumpulan terdiri daripada :



- ✚ Pegawai Pengurusan Bencana MBSJ
- ✚ Penyelaras Pantas MBSJ
- ✚ Ahli Majlis Kawasan
- ✚ Ketua-ketua Kampung
- ✚ Wakil-wakil Taman / Lorong




Pasukan juga mendapatkan aduan yang disalurkan melalui



Bilik Gerakan Bencana di talian
03-80247700
Talian aduan SISPA di
<https://mbsj.spab.gov.my/>
Talian Aduan Whatsapp Jabatan



ii. Analisis & Penilaian



Keperluan terhadap Pelan komuniti ini mendapat respon yang baik dari setiap penduduk di kawasan berisiko bencana. Ianya dibuktikan melalui tinjauan soal selidik yang diberikan kepada penduduk ketika latihan simulasi diadakan dan kesemuanya meminta ianya dibuat secara berkala



'Respon Time' ke atas agensi bantuan menyelamatkan atau pasukan Pantas sendiri telah dapat ditingkatkan

iii. Pemantauan Pelan



Satu Bilik Gerakan Bencana telah dibangunkan di Pusat Operasi Pantas untuk memantau perkembangan dan kelancaran projek

2.4.4 Tindakan

i. Tindakan Susulan

- ✚ Mengemaskini maklumat di dalam Direktorii
- ✚ Mengemaskini pelan lokasi dan kemungkinan risiko bahaya yang baru
- ✚ Memuat naik Pelan secara atas talian
- ✚ Membuat liputan dan hebahan di platform media sosial

ii. Kajian Impak

Pasukan Pantas telah mengadakan satu Bengkel Komunit Berdaya Tahan Bencana dengan kerjasama dari Agensi NADMA pada 31hb Oktober 2024 bertempat di Dewan Kenanga MBSJ




Modul Pelan Komuniti Dan Berdaya Tahan Bencana ini perlu dikemaskini dalam tempoh setiap enam (6) bulan dan di muat naik di laman sesawang www.mbsj.gov.my

2.5 Proses sebelum dan selepas

2.5.1 Sebelum pembangunan modul

SKOP	PERKARA	KAJI SELIDIK
MANGSA	Kurangnya ilmu pengetahuan masyarakat mengenai bencana	80 % bersetuju
	Kurangnya keperihatinan masyarakat tentang pengurusan bencana	88 % bersetuju
	Pengagihan bantuan yang tidak seimbang	98 % bersetuju
PENGURUSAN BENCANA	Komunikasi bencana berlaku tidak teratur	84 % bersetuju
	Maklumat tidak dapat disampaikan secara meluas dan tepat	88 % bersetuju
	Sistem amaran bencana tidak sampai ke masyarakat	90 % bersetuju
	Bantuan pengurusan bencana berlaku tidak sekata	89 % bersetuju
	Tiada rekod data yang lengkap	96 % bersetuju

2.5.1 Selepas pembangunan modul

SKOP	PERKARA	KAJI SELIDIK
MANGSA	Masyarakat lebih peka dan mempunyai ilmu pengetahuan dalam menghadapi bencana	90 % bersetuju
	Pengagihan bantuan dapat dijalankan dengan lebih efektif melalui informasi yang disalurkan	92 % bersetuju
	Sistem Pemantauan dan Amaran akan berlaku risiko bencana dapat sampai kepada masyarakat	90 % bersetuju
	Komunikasi bencana dapat ditransmisikan kepada masyarakat	97 % bersetuju
PENGURUSAN BENCANA	Maklumat disampaikan secara meluas dengan informasi dan fakta kes yang lebih tepat	98 % bersetuju
	Sistem Pemantauan dan Amaran akan berlaku risiko bencana dapat sampai kepada masyarakat	98 % bersetuju
	Bantuan pengurusan bencana dapat dijalankan dengan lebih baik	94 % bersetuju
	Pihak Jabatan dapat menyediakan satu database rekod bencana	99 % bersetuju
	Kolaborasi Jabatan dan Agensi menzahirkan satu 'benchmark' pengurusan bencana dan sentiasa membuat analisa untuk meningkatkan lagi kesiapsiagaan dan daya tahan masyarakat	 100% bersetuju



2.6 Elemen penurunan kuasa

2.6.1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (Pengurusan Bencana Tahap 1) di pengkerusikan oleh Pegawai Daerah mengikut Arahan Nadma 1- Dasar Dan Mekanisme PengurusanBencana Negara

3.0 Impak inovasi terhadap kumpulan sasar

3.1 Elemen Inovatif / Kreatif

- ✚ Direktori komunikasi bencana mudah di akses secara atas talian

i. Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana



<https://www.mbsj.gov.my/ms/komuniti-dan-bandar-berdaya-tahan-bencana>

ii. Executive Information System (EIS) dibangunkan pada tahun 2015



<https://eis.mbsj.gov.my/portal/apps/sites/#/home/>

- ✚ Amaran Bencana diperolehi dengan cepat
- ✚ Memperkasa pasukan Drone Pantas
- ✚ Bantuan bencana mudah disalurkan
- ✚ Kesedaran terhadap kawasan risiko bencana.



MBSJ **MALAYSIA MADANI** **AKIRa Selangor**

SISTEM PEMANTAUAN ARAS AIR BANJIR MBSJ

Bagi memudahkan perancangan perjalanan dan mengetahui situasi terkini keadaan banjir kilat terutamanya ketika musim tengkujuh, orang ramai boleh menyemak situasi paras aras air di bawah kawasan MBSJ dengan mudah melalui sistem pemantauan aras air banjir di kawasan berpotensi banjir melalui pautan

mbsj.iot.es-sb.com

Sila Imbas Kod QR

Justeru itu, orang ramai diminta untuk peka dengan maklumat, nasihat dan amaran cuaca terkini oleh Pihak Berkuasa.

Majlis Bandaraya Subang Jaya **citycouncil** **www.mbsj.gov.my**

MBSJ pasang 10 sistem amaran paras air di kawasan berisiko banjir

Amaran itu diberikan kepada komuniti dan pemegang tanah dalam masa yang sama mengesetir tindakan kitaran.

Majlis Bandaraya Subang Jaya

10 November 2022 10.10am

Masa membaca: 3 minit



Untuk berita terkini Sinar Harian, ikuti di Telegram dan TikTok Asean

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mengambil inisiatif memasang sistem amaran awal paras air di 10 stesen pengiraan paras air di kawasan risiko banjir terutamanya dalam menghadapi Musim Tuhur Laut. Bahagian Komunikasi Korporat, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik MBSJ memaklumkan, sistem amaran itu berfungsi mengesan amaran awal tahap paras air ke Sisa Gerakan MBSJ. Menurut kenyataan itu, amaran itu diberikan kepada komuniti dan pemegang tanah dalam masa yang sama mengesetir tindakan kitaran. "Sistem amaran ini dipasang di Stesen 1 Persiaran Kewajipan, USJ 8, Stesen 2 Persiaran Kewajipan USJ 13, Stesen 3 Kompleks Teras, Stesen 4 Kompleks Bukit Lanchong dan Stesen 5 Kompleks Kuala Lumpur Baru," katanya dalam satu kenyataan media MBSJ.

3.2 Elemen keberkesanan

- ✚ Meningkatkan ilmu pengetahuan mengenai risiko bencana
- ✚ Mengurangkan kebergantungan secara terus kepada kerajaan dan agensi-agensi lain.
- ✚ Keselamatan harta benda dapat ditingkatkan.
- ✚ Komuniti berada dalam persekitaran yang selamat.
- ✚ Informasi dapat disalurkan dengan lebih berkesan
- ✚ Penyelarasan semua sektor dan pihak berkepentingan dapat dilaksanakan dengan baik
- ✚ Pengurangan risiko bencana memerlukan inklusiviti, penglibatan dan pemerkasaan semua lapisan masyarakat
- ✚ Dapat melindungi manusia, harta benda, kesihatan, sumber pendapatan, aset produktif dan aset budaya serta alam sekitar.
- ✚ Setiap risiko bencana mempunyai ciri-ciri tempatan yang spesifik dan mesti difahami untuk menentukan langkah-langkah bagi mengurangkan risiko bencana.



3.3 Elemen Signifikan - Bagaimana perkhidmatan boleh mesra pelanggan

- i. Masa - Tindak Balas Bencana (Respon Time)
(perbezaan masa megikut lokasi)

Zon	Sebelum	Selepas
Subang Jaya / USJ	20 minit	15 minit
Puchong / Kinrara	35 minit	30 minit
Serdang / Seri Kembangan	55 minit	45 minit

- i. Kos - Penilaian kos kerugian akibat sesuatu bencana adalah subjektif tertakluk kepada skala sesuatu bencana tersebut. Namun begitu beberapa kriteria seperti berikut dapat

diturunkan melalui kaji selidik ke atas 124 responden yang telah dikeluarkan.

	JENIS KERUGIAN	KAJI SELIDIK
MANGSA	Kerugian Harta Benda	98 % menyatakan ianya boleh diselamatkan
	Kemalangan Jiwa	90 % bersetuju
	Kos Baik Pulih	88 % menyatakan ianya dapat dikurangkan
	Faktor Pembaziran Masa	92 % menyatakan ianya dapat dijimatkan
	Tekanan Perasaan	83 % bersetuju ianya dapat dikurangkan
PENGURUSAN BENCANA	Mitigasi Bencana	65 % bersetuju ianya dapat dijimatkan
	Kos Bantuan Bencana	86 % bersetuju ianya dapat dijimatkan
	Kos Kebajikan	90 % bersetuju ianya dapat dijimatkan
	Kerja-Kerja Pemulihan Alam Sekitar	70 % bersetuju ianya dapat dijimatkan
	Aktiviti Search And Rescue (SAR)	84 % bersetuju ianya dapat dijimatkan

- ii. Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana ini tidak menelan sebarang kos untuk produksi tetapi mampu memberi penjimatan sehingga 50% ke atas kerugian, pengurusan atau baik pilih yang akan di tanggung samada kepada mangsa atau agensi kerajaan.





- iii. Penyusunan jadual pergerakan anggota pasukan penyelamat menjadi lebih tersusun dan teratur. Anggota dapat ditempatkan di kawasan risiko dan dapat menjalankan tugas dengan lebih efektif dan menjimatkan kos, masa dan tenaga

PASUKAN PENYELAMAT	SEBELUM MODUL	SELEPAS MODUL
Pantas MBSJ	Rondaan Dan Pemantauan Mengikut Aduan Yang Telah Diterima Dari Pelbagai Sumber	Bertindak mengikut aduan atau arahan yang telah dipusatkan melalui Pusat Komunikasi Bencana
PDRM		
JBPM		
APM		
Rela		

Pengurangan risiko bencana memerlukan tanggungjawab bersama kerajaan negeri dan pihak-pihak berkepentingan sesuai dengan keadaan dan sistem tadbir urus sesuatu negeri.



3.4 Elemen Relevan



- ✚ Selaras dengan Pelan Digitalisasi Sektor Awam dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan kerajaan.
- ✚ Membantu MBSJ mencapai matlamat Bandar Pintar dengan penggunaan teknologi dalam penyampaian perkhidmatan.
- ✚ Menyokong inisiatif Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDIGITAL) ke arah kerajaan digital yang lebih responsif dan mesra pengguna.
- ✚ Pematuhan Arahan Nadma No 1 - Dasar Dan Mekanisma Pengurusan Bencana Negara
- ✚ Kerajaan persekutuan dan negeri perlu memberi kuasa dan insentif kepada pihak berkuasa tempatan dan masyarakat setempat untuk bertanggungjawab dalam membuat keputusan bagi mengurangkan risiko bencana.
- ✚ Pengurangan risiko bencana memerlukan pendekatan yang pelbagai. Maklumat risiko perlu dimaklumkan, mudah diakses, difahami dan terkini. Maklumat perlu berasaskan analisis saintifik yang digabungkan dengan pengetahuan tradisional.

- ✚ Pelaksanaan dan pengukuhan dasar serta pelan pembangunan perlu bermatlamatkan kepada kelestarian persekitaran, jaminan keselamatan makanan, kesihatan dan keselamatan penduduk serta mengambil kira perubahan iklim untuk mencapai pembangunan mampan.

4.0 Pengiktirafan diterima

- 4.1 Mewakili MBSJ dalam latihan daya tahan komuniti anjuran Kerajaan Persekutuan dan pihak Universiti Teknologi Mara yang telah diadakan di Taiwan.
- 4.2 Surat Penghargaan dari Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Daerah Petaling
- 4.2 Surat penghargaan dari NADMA



5.0 Penutup

Penghasilan inovasi ini memberi impak yang besar terutama kepada komuniti dan agensi-agensi kerajaan atau bukan kerajaan bagi mengurangkan risiko kerugian akibat bencana yang melanda. Masyarakat didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan persiapan mental untuk menangani risiko bencana yang mungkin menimpa.

Bencana merupakan suatu tragedi. Ianya amat sukar dielakkan. Pelan Komuniti Dan Bandar Berdaya Tahan Bencana akan melahirkan masyarakat yang mempunyai jati diri, semangat, bijak dan mempunyai daya tahan bencana.

Disediakan oleh:

Nama : Sariman Bin Abdullah
Tel. : 013-5022520
E-mel : sariman@mbsj.gov.my

Nama : Nor Najihah Binti Sukor
Tel. : 012-3350006
E-mel : najihah.sukor@mbsj.gov.my

Nama : Liza Binti Husin
Tel. : 013-6757219
E-mel : liza@mbsj.gov.my

Nama : Abdul Hadi Bin Yusof
Tel. : 017-73544915
E-mel : hadi.yusof@mbsj.gov.my

Nama : Khairul Bin Rosli
Tel. : 011-12324240
E-mel : hadi.yusof@mbsj.gov.my

Nama : Chandrasegaran A/L Krisnan
Tel. : 016-290700
E-mel : chandraf@mbsj.gov.my